

# UiTM, Kolej Uniti sah bekerjasama

**Shah Alam:** Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengesahkan ada menjalin kerjasama dengan Kolej Uniti melalui Program Kolej-Kolej Bersekutu (KKB) UiTM yang akan membuat pengambilan pelajar seperti iklan tersebut di laman sosial dan aplikasi WhatsApp.

Pengarah Institut Pendidikan Neo UiTM, Prof Madya Dr Roslani Embi, berkata melalui memorandum perjanjian (MoA) di antara UiTM dengan KKB, antara syarat termaktub adalah penggunaan nama atau logo UiTM bagi apa-apa tujuan mestilah mendapat kelulusan universiti itu terlebih dahulu.

“Namun dalam kes ini (iklan), pihak kolej berkenaan ti-

dak memaklumkan kepada UiTM sehingga menimbulkan kekeliruan orang ramai. Iklan itu memang benar, cuma mereka (Kolej Uniti) tidak meminta kebenaran dan memaklumkan kepada kami mengenainya.

## Hantar surat peringatan

“Caj RM200 yang dikenakan seperti dicatatkan dalam iklan itu sekiranya berjaya dalam sesi temu duga kemasukan bukan dikutip oleh UiTM, sebaliknya untuk program dalaman kolej berkenaan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Roslani berkata, UiTM sudah menghantar surat peringatan kepada pengurusan kolej itu

supaya menghentikan penggunaan nama universiti terbabit dalam iklan pengambilan pelajar tanpa kebenaran, namun program KKB-UiTM masih diteruskan.

Menerusi iklan yang viral sejak beberapa hari lalu, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dipelawa hadir sesi temu duga khas di Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi, Selangor pada hari ini serta Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Seremban, esok.

## Peringkat diploma, sijil

Temu duga itu untuk kursus peringkat diploma dan sijil dengan lepasan SPM yang berminat dikehendaki membawa salinan kad pengenalan diri dan

ibu bapa, slip keputusan SPM, sijil kelahiran serta wang tunai RM200 untuk prapendaftaran sekiranya lulus temu duga.

Sementara itu, wakil kolej terbabit ketika dihubungi berkata, sesi temu duga itu adalah untuk 17 kursus, termasuk menerusi program kerjasama pihaknya dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Pelajar akan diberi penjelasan lanjut berhubung kursus yang diminati pada sesi itu. Jika keputusan SPM bagus dan sesuai dengan kursus mahu diambil, sesi temu duga seterusnya akan dibuat, tapi sekiranya tidak sesuai, mereka akan ditawarkan kursus di beberapa kolej swasta lain,” katanya.